

Dua guru *didik* satu kelas

Bersama

**Dr Muhamad
Hariz Muhamad
Adnan**



pendekatan pengajaran bersama atau *co-teaching* kini menjadi tumpuan dunia pendidikan global seperti diamalkan di Ireland, Kanada, Denmark dan Singapura.

Di Malaysia, *co-teaching* dua guru dalam satu kelas adalah antara pendekatan baharu yang bakal dilaksanakan dalam

Kurikulum Persekolahan 2027. Ia diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan (KPM) membabitkan mata pelajaran baharu Alam dan Manusia.

Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek berpendapat bahawa kaedah *co-teaching* yang akan dilaksanakan ini dapat menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) lebih menarik serta berkesan.

Apa itu *co-teaching*?

Co-teaching merujuk kepada model di mana dua guru (contohnya guru mata pelajaran dan guru sokongan) merancang, melaksanakan dan menilai pengajaran dalam satu bilik darjah yang sama.

Ada enam model *co-teaching* yang boleh dilaksanakan iaitu:

1. Satu pengajar, satu memerhati

Seorang guru mengajar secara langsung manakala guru bersama secara sistematik memerhatikan penglibatan pelajar, pembelajaran atau tingkah laku khusus untuk mengumpul data.

2. Satu pengajaran, satu membantu

Seorang guru mengetahui kelas manakala seorang lagi guru bertindak sebagai fasilitator, memberikan sokongan individu segera kepada mana-mana pelajar yang memerlukan bantuan.

3. Pengajaran selari

Pengajaran selari memerlukan kelas dibahagikan kepada dua kumpulan yang dirancang dan kedua-dua guru menyampaikan kandungan yang sama secara serentak

4. Pengajaran stesen

Dalam pengajaran stesen, kandungan dibahagikan mengikut stesen dan pelajar bergerak ke pelbagai stesen di seluruh bilik darjah. Setiap guru bersama memudahkan segmen pengajaran tertentu mengikut stesen.

5. Pengajaran alternatif

Pengajaran alternatif

digunakan apabila sekumpulan kecil pelajar memerlukan pengajaran khusus atau intensif yang sangat berbeza daripada pelajaran yang disampaikan kepada kumpulan besar.

6. Pengajaran berpasukan

Pengajaran pasukan melibatkan kedua-dua guru menyampaikan arahan secara serentak, selalunya melalui pendekatan *tag-team* yang lancar di mana mereka bersama-sama mengetahui perbincangan, menjelaskan konsep dan menggabungkan kepakaran mereka.

Kelebihan dan kekurangan *co-teaching*

Antara kelebihan utama model *co-teaching* ialah dapat membantu mewujudkan persekitaran pembelajaran inklusif di mana pelajar berlainan keperluan belajar bersama.

Model ini juga dapat memperkasakan ilmu dan pengalaman guru melalui perkongsian tanggungjawab, perancangan bersama dan pelbagai kaedah pengajaran.

Selain itu, model ini juga dapat meningkatkan penglibatan pelajar, interaksi antara rakan dan menyediakan sokongan lebih personal kepada pelajar.

Namun, *co-teaching* juga tidak dapat lari dari cabaran yang nyata. Kajian menunjukkan bahawa walaupun *co-teaching* ini berpotensi dilaksanakan, keberkesanannya bergantung kepada bagaimana ia dilaksanakan.

Bagi pelajar berkeperluan

khas, kesannya tidak semestinya besar secara konsisten. Bagi mengatasi cabaran ini, adalah perlu bagi guru yang terlibat untuk melaksanakan perancangan bersama, mempunyai peranan yang jelas antara guru utama dan guru sokongan serta komitmen yang tinggi daripada sekolah.

AI sebagai pemangkin baharu

Kecerdasan Buatan (AI) mempunyai peluang besar untuk menangani kelemahan logistik dan pentadbiran dalam *co-teaching*, terutama beban perancangan dan personalisasi.

Dengan kemajuan teknologi, AI berjaya masuk ke ruang bilik darjah sebagai alat bantu guru.

Menurut UNESCO, AI mempunyai potensi untuk 'menangani beberapa cabaran terbesar dalam pendidikan hari ini, merangsang inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran, dan mempercepatkan kemajuan ke arah Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)'.

Sistem AI seperti Curipod memanfaatkan penyelidikan dan amalan terbaik pengajaran untuk menjana pengajaran interaktif mengikut rentak guru.

Alat lain seperti Diffit dan MagicSchool.ai mengautomatiskan penciptaan kandungan dan penjaan sumber. Dengan mengautomatiskan tugas intensif, masa untuk merangka bahan dan rubrik penilaian dapat dijimatkan.

AI secara langsung berfungsi

sebagai penyelesaian logistik kepada kekangan paling ketara dalam pengajaran bersama iaitu kekurangan masa perancangan bersama guru. Beban kerja pentadbiran yang dikurangkan ini membebaskan guru untuk menumpukan usaha mereka pada aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Bagaimana AI menyokong *co-teaching*

Beberapa cara utama AI membolehkan model *co-teaching* berjalan dengan lebih efektif termasuk perancangan bersama lebih efisien menggunakan AI. AI dapat membantu merangka pelan pengajaran berdasarkan objektif guru dan analisis data pelajar.

Selain itu, analitik prestasi pelajar menggunakan AI dapat menganalisis kehadiran, motivasi dan pencapaian pelajar untuk membantu guru dalam sesi refleksi dan perancangan.

Bagi Malaysia, model *co-teaching* dibantu teknologi AI menawarkan peluang untuk membina sistem pendidikan yang lebih inklusif dan berteraskan data.

Dalam konteks tempatan dengan perancangan yang matang, Malaysia berpotensi memanfaatkan *co-teaching* dan AI sebagai pemangkin baharu pendidikan Negara.

**Penulis menyuarah kanan
Fakulti Komputeran dan
Meta-Teknologi, Universiti
Pendidikan Sultan Idris
(UPSI)**

Bagi Malaysia, model 'co-teaching' dibantu teknologi AI menawarkan peluang untuk membina sistem pendidikan yang lebih inklusif dan berteraskan data

dialog kotaraya oleh juragan

